

Pemergian yang dirasai

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

u.17 m/s 11 25.1.07


“DALAM ketiadaan, terasa kehadirannya.” Baris bait puisi itu adalah nukilan Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said, berkisah tentang seniman agung Tan Sri P. Ramlee.

Tetapi puisi itu juga ditujukan khas oleh seorang rakan kepada tokoh intelektual yang pulang ke rahmatullah kelmarin, Profesor Datuk Dr. Syed Hussein Alatas.

Kepada Profesor Datuk Dr. Abdul Rahman Embong, yang mengenali Allahyarham sejak lebih 10 tahun lamanya, kenangan menjalinkan persahabatan bersama Syed Hussein sesuatu yang terpahat sehingga kini.

“Semasa berkhidmat di Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada setiap petang, Allahyarham suka mengetuk pintu bilik saya, kebetulan kedudukan bilik kami terletak bertentangan untuk menikmati kopi. Sambil itu kami bersembang,” kata Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) ini ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau menambah: “Interaksi kami bukan tong kosong, tetapi riuh serta sarat dengan ilmu – tidak kira tentang sosiologi,



DR. SYED HUSSEIN ALATAS

Allahyarham sepanjang hayatnya juga seorang yang dikenali sangat rajin membaca dan sangat mencintai ilmu. Kalau ada seseorang yang boleh disifatkan menghambakan diri kepada ilmu, orang itu ialah Syed Hussein

an, ia adalah sesuatu yang wajar kerana generasi muda sekarang perlu terus tahu lagi maklum mengenai tokoh-tokoh pemikir seperti Syed Hussein.

Allahyarham sepanjang hayatnya juga seorang yang dikenali sangat rajin membaca dan sangat mencintai ilmu. Kalau ada seseorang yang boleh disifatkan menghambakan diri kepada ilmu, orang itu ialah Syed Hussein.

Hal ini diakui sendiri oleh Shaharom T.M Sulaiman, seorang lagi rakannya. Shaharom sendiri banyak membuat tulisan, penyelidikan, memberi pandangan tentang hal-hal buku serta penerbitan.

Shaharom, pensyarah di Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu memberitahu, kali terakhir berbual dengan Allahyarham ialah pada bulan November.

Ketika itu, lembut lagi mesra suaranya meminta tolong mendapatkan sebuah buku berjudul *Muslim Libraries 1939-S.K Perdo-*

Awasi Hakisan Integriti (3 Julai 2005).

Tiga wawancara penuh bersama Allahyarham pada tahun lepas juga mengenai rasuah dan integriti. Bahawa beliau berkali-kali dalam wawancara-wawancara itu mengingatkan rasuah itu paling bahaya kerana dalam peradaban manusia ia boleh membunuh selain peperangan.

Beliau adalah tokoh yang meneliti soal rasuah sejak 50 tahun lalu. Buku *Sociology of Corruption* yang ditulis pada tahun 1950 kekal sehingga kini menjadi antara kajian terbaik mengenai gejala rasuah.

Dalam hal ini, Anis Yusal Yusuff, Pengarah Perhubungan dan Persidangan Institut Integriti Malaysia (IIM), menyebut bahawa Allahyarham akan terus diingati sebagai antara rakyat Malaysia yang mula-mula sekali menulis tentang masalah rasuah secara serius di negara ini. “Antara tulisan-tulisan beliau yang membincangkan isu rasuah diterbitkan seawal 1968 dengan tajuk *The Sociology of Corruption*.

antropologi, meliputi soal-soal emosi sekali-pun.”

Cerita beliau lagi, subjek paling diminati tentunya integriti dan rasuah selain hal-hal sosiologi.

“Saya masih ingat kenyataan beliau tentang rasuah. Ini kerana beliau mengulangi berkali-kali dalam perbualan setiap petang kami.

“Katanya: “Kita perlu ada rasa benci dan amarah terhadap perbuatan rasuah dan mereka yang mengamalkan rasuah andai mahu gejala itu diperangi dengan jaya.”

Paling menyentuh perasaan katanya, Allahyarham dalam keterbatasan kesihatan kerana tua, beliau sanggup menyambut dengan senang pelawannya untuk menja-di penceramah pada tahun 2005 - mengenai tadbir urus.

“Dalam sakit, terpaksa dipapah untuk berucap, beliau ghairah membincang tentang keserjanaan ilmu. Komitmen beliau terhadap keilmuan sangat mengujakan. Sesi soal jawab tidak mengecewakan. Itulah istimewanya Allahyarham. Itulah sebabnya saya sebut ‘dalam ketiadaan terasa kehadiranannya.’

“Pepatah ada menyebut, patah tumbuh hilang berganti. Benar, tetapi yang pergi itu tidak sama dengan yang lama - beliau tiada galang ganti. Saya tidak sentimental tetapi masih teringat beliau mengetuk pintu, mengajak minum teh sambil bersembang hal-hal ilmu - itu paling mahal dan dikenangi.”

Sayup-sayup di corong telefon, Dr. Chandra Muzaffar, Presiden JUST, terdiam lama apabila diminta berkongsi saat-saat

manis tidak dilupakan bersama Allahyarham.

Beliau akhirnya membuat kesimpulan keistimewaan Allahyarham begini: “Hubungan kami bukan sekadar anak murid dan guru. Lebih daripada itu saya menganggapnya mentor. Cara pemikirannya terhadap banyak hal mempengaruhi saya.

Dr. Chandra mengenali Allahyarham semasa membuat pengajian peringkat Sarjana (1967-1970) dan Doktor Falsafah (1975-1977) di Singapura.

“Saya banyak terhutang budi kepada Allahyarham khususnya dengan ilmu pengetahuan, cara memahami sesuatu isu masyarakat, sosial dan agama - ia kuat mempengaruhi pemikiran saya.

Seminggu sebelum meninggal kami kerap berbual tetapi isi perbualan seputar masyarakat, masalah manusia, buku, kajian, penerbitan ilmiah.”

Seperkara tentang Syed Hussein, sambil bersetuju dengan Abdul Rahman, Dr. Chandra berkata, ada kekuatan dalam diri Allahyarham membicarakan tentang integriti dan rasuah.

“Cara beliau memahami secara ilmiah tentang dua perkara itu dizahirkan dalam bentuk ucapan, buku dan pemikirannya. Itulah kelebihan beliau yang tidak ada pada tokoh ilmuwan atau sarjana lain.”

Beliau turut mengharapkan kita yang masih hidup ini mengenang serta mengiktiraf sewajarnya orang yang memiliki pemikiran seperti Syed Hussein.

Sambil menyuarakan pandangan baha-wa apresiasi kita terhadap orang-orang sebegini agak kurang - walau itu kenyata-

var bagi tujuan beliau mengerjakan kajian peribadi mengenai perpustakaan dan tradisi keserjanaan dalam peradaban manusia.

“Kajian ini sangat akrab dengan beliau, sebelum ini sekalipun dalam sesi Bicara Tokoh anjuran Unit Penerbitan Universiti Teknologi Mara (Upena) bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM, berko-bar-kobar beliau menghayati lagi mendalami perkara itu.”

Kepada Shaharom, otak Allahyarham sangat tajam manakala tulisan beliau mencakupi pelbagai isu - agama, pembangunan, korupsi, politik, intelektual, ideologi kapitalisme, kolonial dan teori sosial bukan sahaja sering diteliti, diikuti dan dibahas, malah mendapat perhatian besar para sarjana antarabangsa.

Antaranya Edward Said yang dalam bukunya *Culture and Imperialism* memuji penelitian Syed Hussein terhadap idea kolonial tentang watak malas pribumi.

Buku paling terkenal menyingkap pemikiran Syed Hussein, *The Myth of the Lazy Native*, dianggap sebagai salah satu karya paling menawan yang ditulis mengikut garis tradisi Karl Mannheim tentang sosiologi ilmu.

Tetapi paling tidak boleh dilupakan tentang Syed Hussein ialah kerana fokus pemikirannya yang komitmen, tekad, iltizamnya mengenai integriti dan rasuah.

Kali terakhir tulisan beliau sebagai kolumnis dan atas kapasiti Fellow Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di *Mingguan Malaysia* ialah mengenai rasuah dan integriti iaitu dengan tajuk

“Beliau kemudiannya menulis buku *The Problem of Corruption* dalam tahun 1986 dan beberapa lagi buku yang mengupas isu rasuah secara teliti dari peringkat budaya, sehingga penyebab kepada berlakunya budaya kotor ini dalam masyarakat kita di sekitar 1990-an,” kata Anis dalam satu e-mel ringkas yang dikirimkan kepada penulis.

Selepas 30 tahun buku *The Sociology of Corruption* diterbitkan, beliau menulis pula buku *Corruption and the Destiny of Asia* yang diterbitkan dalam tahun 1999.

Sementara itu, jenazah Allahyarham, yang meninggal dunia dalam usia 78 tahun kerana sakit jantung selamat dikebumikan semalam di Damansara.

Mereka yang melawat memberi penghormatan terakhir merentasi sempadan politik, bangsa dan agama. Ini berkemungkinan kerana idea dan pemikirannya tersebar luas.

Semasa hayatnya, Allahyarham pernah menjadi Timbalan Canselor Universiti Malaya (UM), sebahagian daripada para intelektual yang menubuhkan parti Gerakan pada tahun 1968.

Syed Hussein juga memainkan peranan penting dalam penubuhan Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (Pekemas). Walaupun beliau dianggap agak lantang dan cenderung kepada pembangkang, Allahyarham sebenarnya seorang yang kuat menyokong polisi-polisi UMNO.

Jasa, ketokohan dan keistimewaan manusia bernama Syed Hussein ini tidak cukup untuk ditulis pada ruang terbatas ini. Sesungguhnya negara kehilangan tokoh yang boleh sahaja dianggap sarjana tulen yang banyak memberi sumbangan.